



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

(Ministry Of Health Malaysia)

Pejabat Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi

(Office Of The Senior Director Of Pharmaceutical Services)

Lot 36, Jalan Universiti

46200 Petaling Jaya

Selangor

MALAYSIA

No. Telefon : 03 - 7841 3201

No. Faksimili : 03 - 7986 2248

Portal Rasmi : <http://www.pharmacy.gov.my>

E-mel : ramlizainal@moh.gov.my
pejabatpkpf@moh.gov.my

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : NPRA/007/06/A/001(53)

Tarikh: 17. Julai 2020

**SEMUA PEMEGANG PENDAFTARAN PRODUK
SEMUA PEMOHON PEMERIKSAAN PUSAT KAJIAN BIOEKUIVALENS (BE)
SEMUA PEMOHON PEMERIKSAAN AMALAN MAKMAL BAIK**

YBhg. Datuk/ Dato'/ Prof. / Dr./ Tuan/ Puan,

**PEMERIKSAAN DALAM NEGARA DAN PENANGGUHAN PEMERIKSAAN LUAR
NEGARA OLEH NPRA BERIKUTAN INSIDEN COVID-19**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan surat penangguhan pemeriksaan dalam dan luar negara dengan nombor rujukan KKM/NPRA.PKP/600-2/1/1(17) bertarikh 23 Mac 2020.

2. Selaras dengan Perutusan Khas YAB Perdana Menteri Mengenai COVID-19 pada 7 Jun 2020, kerajaan telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang berakhir pada 9 Jun 2020 dan telah digantikan dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bermula pada 10 Jun 2020 hingga 31 Ogos 2020. Semasa tempoh PKPP, perjalanan rentas negeri telah dibenarkan serta aktiviti-aktiviti harian dibenarkan secara beransur-ansur kecuali di kawasan yang diisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Sehubungan dengan itu, Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) telah memutuskan untuk memulakan pemeriksaan dalam negara ke atas beberapa fasiliti terpilih yang akan dihubungi oleh pihak NPRA. Pemeriksaan-pemeriksaan dalam negara ini akan dijalankan dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan dijangka bermula pada bulan Julai 2020.

3. Walau bagaimanapun, keputusan untuk menunda semua pemeriksaan luar negara masih dikekalkan sehingga kebenaran perjalanan rentas negara diumumkan oleh Kerajaan Malaysia dan juga bergantung kepada sekatan perjalanan dan polisi di negara yang terlibat dengan pemeriksaan yang bakal dijalankan.

4. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi pegawai yang disenaraikan dalam Lampiran 1.

Kerjasama dan perhatian daripada pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Prof. / Dr./ Tuan/ Puan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATIN DR. FARIDAH ARYANI MD YUSOF) RPh. 1197
Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

HA/rms/nlcw

✉ nickleow@npra.gov.my

☎ +603 - 7883 5480

s.k. : Pengarah
Bahagian Regulatori Farmasi Negara
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Bahagian Penguatkuasaan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

Lampiran 1

Senarai Pegawai Yang Boleh Dihubungi:

i. Pemeriksaan GMP:

En. Mohd Nasrul bin Mohamad Noor

☎ 03-7883 5494 / ✉ nasrul@npra.gov.my

En. Mohamad Amirrudin bin Said

☎ 03-7883 5400 (samb: 4233) / ✉ amirrudin@npra.gov.my

ii. Pemeriksaan GDP:

En. Shaik Muhammad Naquib bin Shaik Mohamed

☎ 03-7883 5495 / ✉ shaik_mn@npra.gov.my

En. Francis Teng Chuen Chuing

☎ 03-7883 5495 / ✉ francisteng@npra.gov.my

iii. Pemeriksaan Pusat Kajian BE dan Jawatankuasa Etika:

Cik. Nabila binti Mohd Shaffie

☎ 03-7883 5487 / ✉ nabilashaffie@npra.gov.my

En. Mohd Azwadi bin Kamarudin

☎ 03-7883 5486 / ✉ azwadi@npra.gov.my

iv. Pemeriksaan GCP and GLP:

Cik. Fadhilah binti Hasbullah

☎ 03-7883 5478 / ✉ fadhilah@npra.gov.my

En. Ahmad Izwan bin Abdul Rani

☎ 03-7883 5484 / ✉ izwan@npra.gov.my